



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN LALUAN TAMBAHAN
BAS GO-KL
LALUAN HUB TITIWANGSA - MINDEF**

28 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)

JAM 11.00 PAGI

**Hub Titiwangsa (Hentian Bas Pekeliling)
Jalan Pangkor, Titiwangsa Sentral
Kuala Lumpur**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

(Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)

**YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Dato' Nor Hisham Bin Ahmad Dahlan
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

Ahli-ahli Lembaga Penasihat DBKL

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,

Rakan-Rakan Media,

Dif-Dif Jemputan, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- 1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya kita dapat berkumpul sekali lagi pada hari ini bagi merasmikan Majlis Pelancaran Laluan Tambahan Perkhidmatan Percuma Bas GoKL.**
- 2. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan bersama agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Syarikat Prasarana Sdn. Bhd. yang terus komited dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan percuma Bas GoKL kepada pengguna bagi menggalakkan dan memperkasakan pengangkutan awam di bandaraya Kuala Lumpur.**
- 3. Di samping menyediakan perkhidmatan bas "first & last mile" yang boleh diharap, mudah diakses, selamat dan selesa, pihak kerajaan terus mengambil inisiatif dengan merancang dari masa ke semasa bagi memperluaskan laluan perkhidmatan Bas Go KL dengan mewujudkan**

laluhan tambahan bukan sahaja tumpuan pusat perniagaan tetapi diperluaskan ke kawasan yang berkepadatan penduduk yang tinggi, keutamaan kepada golongan sasar B40, kawasan-kawasan Perumahan Kos Rendah (PPR), Perumahan Awam (PPA) dan Kompleks Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman semua, laluan perkhidmatan Bas GoKL sedia ada terdiri daripada (4) laluan iaitu :-

- i) Green Line (KLCC – Bukit Bintang)**
- ii) Purple Line (Pasar Seni – Bukit Bintang)**
- iii) Red Line (Hab Titiwangsa – KL Sentral)**
- iv) Blue Line (Hab Titiwangsa – Bukit Bintang).**

Dimana kekerapan bas pada waktu puncak adalah setiap 5 minit dan 10 minit di luar waktu puncak.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL telah melaksanakan kajian serta penelitian terhadap beberapa laluan baru yang dikenalpasti dan berpotensi untuk dilaksanakan sebagai projek perintis ‘first mile’. Dua (2) laluan tambahan yang dikenalpasti dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini adalah :-

- i) Laluan 5 : Hab Titiwangsa – MINDEF**
- ii) Laluan 6 : PPR Sri Pantai – LRT Kerinchi**

Bermula hari ini bersamaan 28 Februari 2019 bersempena bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Laluan ke 5 iaitu Laluan Hab Titiwangsa – MINDEF telah dijenamakan sebagai Laluan Jingga atau Orange Line diperkenalkan. Manakala Laluan 6 pula iaitu Laluan PPR Sri Pantai – LRT Kerinchi bakal dilaksanakan pada 1 April 2019. Kekerapan bas untuk laluan baru ini adalah setiap 15 minit.

6. Laluan Jingga (Orange line) sepanjang 10.4km ini akan bermula dari Hab Titiwangsa (Hentian Bas Pekeliling), melalui Jalan Tun Razak, Jalan Sultan Yahya Petra, Jalan Padang Tembak, Jalan Bukit Keramat, Persiaran Gurney, Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan Jalan Pahang. Antara jajaran laluan tersebut meliputi kawasan kompleks kerajaan, hospital, universiti, sekolah, dan kawasan perumahan dimana kawasan-kawasan tersebut adalah :-

- i) Istana Budaya
- ii) IJN
- iii) PULAPOR
- iv) UTM
- v) Jabatan Pertahanan Awam
- vi) MINDEF
- vii) Gurney Heights
- viii) Perumahan Pangsa Murni
- ix) Uni KL
- x) FELDA
- xi) JUPEN
- xii) SK. Jalan Gurney
- xiii) SK. Raja Muda Abd Aziz
- xiv) Kg. Baru Utara
- xv) HKL

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Untuk makluman semua, prestasi pencapaian penumpang seharian perkhidmatan bas go KL bermula daripada tahun 2012 sehingga 2018 adalah sangat memberangsangkan. Sejak Bas Go KL diperkenalkan seawal tahun 2012, jumlah penumpang seharian adalah 8,450 orang penumpang sehinggalah tahun 2018 telah mencatatkan sebanyak 65,145 penumpang dimana peningkatan adalah sebanyak 671%. Sekiranya sambutan yang menggalakkan terhadap Laluan Jingga (Orange Line), tidak mustahil beberapa laluan tambahan yang lain akan diperkenalkan.

8. Sehubungan dengan itu, dengan adanya perkhidmatan bas percuma ini di laluan yang strategik, maka ianya diharap dapat mengurangkan beban kehidupan wargakota Kuala Lumpur dan juga mengurangkan kesesakan trafik, memberi keselesaan, keselamatan dan merealisasikan bandaraya yang bebas karbon serta sihat didiami pada masa hadapan.

9. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Laluan Tambahan Bas Go-KL Terminal Tun Razak – Mindef.

9. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.